

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Bengkel bincang pelaksanaan B10

▶ MUKA 5

Program pemakanan sawit tarik minat sekolah

▶ MUKA 8



Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Kota Kinabalu

Lebih 118,000 hektar atau 5.21 peratus daripada kira-kira 2.3 juta hektar kawasan tanaman pekebun kecil sawit di negara ini sudah mendapat pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, keluasan itu merangkumi 105,751.06 hektar di bawah 56 kelompok pekebun kecil tersusun yang dikendalikan oleh agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, SALCRA, SLDB dan sebagainya dan 12,312.02 hektar lagi di bawah 62 kelompok pekebun kecil persendirian atau Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) di bawah kendalian MPOB.

“Ini bermakna sebanyak 8.21 peratus daripada 1,287,958 hektar kawasan tanaman pekebun kecil tersusun sudah memperoleh sijil MSPO selain 1.26 peratus daripada 979,758 hektar kawasan tanaman pekebun kecil persendirian,” katanya.

Teresa berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2018 di sini, baru-baru ini.

Persidangan yang dihadiri hampir 500 pekebun kecil sawit turut dihadiri Pengerusi MPOB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

Bantuan disediakan

Teresa berkata, pencapaian pensijilan MSPO di Sabah sehingga Julai 2018, hanya 2,613.25 hektar atau 1.2 peratus daripada 221,148.49 hektar kawasan tanaman pekebun kecil sawit di negeri itu yang memperoleh pensijilan berkenaan.

Sehubungan itu, katanya MPOB menubuhkan Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) untuk membantu pekebun kecil persendirian mendapatkan pensijilan MSPO manakala bagi pekebun kecil tersusun, bantuan disediakan melalui agensi persekutuan dan negeri masing-masing.

Katanya, SPOC juga diwujudkan bagi menggalakkan Amalan Pertanian Baik dan bertujuan menyatukan pekebun kecil untuk manfaat bersama.

“Kos pelaksanaan pensijilan



Teresa Kok bersama penerima sijil MSPO.

118,000 hektar tanah milik pekebun kecil perolehi sijil MSPO

➔ MPOB tubuh SPOC bantu dapatkan pensijilan

MSPO bagi pekebun kecil persendirian ditanggung oleh kerajaan menerusi insentif sebanyak RM135 sehektar,” katanya.

Beliau berkata, selain agensi pekebun kecil tersusun seperti FELDA, FELCRA serta SLDB, peke-

bun kecil juga boleh mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pensijilan MSPO daripada persatuan pekebun kecil seperti NASH (Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil), EMPA (East Malaysian Planters Association) dan DOPPA (Sarawak Dayak

Oil Planters Association).

Teresa berkata, kementerian itu melaksanakan pelbagai program untuk memperkasa pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran dan pendapatan, termasuk menempatkan pega-



Kementerian itu melaksanakan pelbagai program untuk memperkasa pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran dan pendapatan, termasuk menempatkan pegawai MPOB di seluruh negara bagi menyediakan khidmat nasihat penanaman sawit secara percuma”

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

wai MPOB di seluruh negara bagi menyediakan khidmat nasihat penanaman sawit kepada pekebun kecil dan menyalurkan pelbagai bantuan kerajaan.

Katanya, inisiatif yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu pekebun kecil, termasuk memperkenalkan teknologi dan mekanisasi seperti penggunaan Mesin Penuai Buah Sawit Bermotor (CANTAS) yang dibangunkan MPOB sehingga menghasilkan peningkatan produktiviti penuaian melebihi 100 peratus kepada 8.7 tan sehari berbanding 3.6 tan sehari secara kaedah manual.

“Kementerian bersama MPOB juga menggalakkan kerjasama di kalangan pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti hasil sawit melalui penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Sehingga Jun 2018, terdapat 50 KPSM di seluruh Malaysia dengan sasaran 65 KPSM lagi ditubuhkan menjelang 2020,” katanya.

Kerajaan melalui Kementerian Industri Utama melaksanakan Pensijilan Minyak Mampam Malaysia atau Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) meliputi sektor perladangan, pengilangan dan pekebun kecil.

Pelaksanaan pensijilan MSPO secara mandatori yang dilaksanakan secara berperingkat menjelang 31 Disember 2019 bertujuan memastikan penghasilan minyak sawit berkualiti, mesra alam dan bernilai premium di pasaran antarabangsa.

Pensijilan mampam minyak sawit merupakan strategi penjenamaan minyak sawit Malaysia bagi memperluaskan penguasaan di pasaran minyak sawit global. Ini sejajar dengan keperluan pematuhan produk pertanian yang dihasilkan secara mampam.

Negara-negara Eropah menetapkan pengimportan produk pertanian termasuk minyak sawit yang memenuhi keperluan pensijilan mampam bagi kegunaan bahan makanan dan bio bahan api sehingga 2030.

Bagi membantu hampir 650,000 pekebun kecil yang mengusahakan lebih dua juta hektar tanaman sawit memperoleh pensijilan MSPO, kerajaan melalui MPOB menyediakan insentif kewangan dan membantu dari segi Amalan Pertanian Baik bagi persediaan pensijilan mampam.

Insentif berjumlah RM130 juta disediakan bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO secara percuma dapat mengurangkan beban kewangan bagi pembiayaan yuran pengauditan pensijilan MSPO, peralatan pelindung diri dan stor kimia.

Ke arah itu, MPOB mengambil inisiatif melalui penubuhan Kelompok Minyak Sawit Mampam (SPOC) yang membabitkan penyatuan pekebun kecil setempat mengamalkan pertanian secara mampam.

Sebanyak 162 SPOC akan diwujudkan di seluruh negara dengan sasaran penyertaan 1,000 hingga 2,000 pekebun kecil bagi setiap SPOC dengan keluasan tanaman sawit antara 4,000 hingga 8,000 hektar.

Melalui penubuhan SPOC, pekebun kecil dikelompokkan bagi memudahkan MPOB menjalankan aktiviti pembangunan dan audit pensijilan mampam, menubuhkan koperasi dan hebahan maklumat berkaitan teknologi baharu dalam penanaman sawit.

Penubuhan SPOC meningkatkan pelaksanaan aktiviti MPOB secara berkesan yang meliputi taklimat dan latihan lapangan pensijilan MSPO.

Usaha MPOB melalui penubuhan SPOC dan pembabitan pekebun kecil termasuk yang berada di bawah pengurusan agensi kerajaan telah mempersijilkan 118,000 hektar atau 5.21 peratus daripada 2.3 juta kawasan tanaman sawit milik pekebun kecil yang memperoleh pensijilan MSPO sehingga Julai 2018.

Sejajar dengan matlamat kerajaan memastikan pengeluaran minyak sawit Malaysia yang dipersijilkan di bawah MSPO sepenuhnya pada penghujung 2019, pekebun kecil wajar menyahut saranan dan berusaha memberi kerjasama bagi pelaksanaan pensijilan MSPO.

Pematuhan pensijilan MSPO berasaskan tujuh prinsip utama iaitu komitmen dan tanggungjawab pengurusan; ketelusan; pematuhan terhadap undang-undang; tanggungjawab sosial; kesihatan dan keselamatan pekerjaan; persekitaran, sumber asli, kepelbagaian-bio dan perkhidmatan ekosistem; amalan terbaik dan pembangunan penanaman baharu.

Pensijilan MSPO yang membabitkan prinsip dan kriteria mampam yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan Amalan Pertanian Baik memberi faedah secara langsung kepada penanam sawit dari segi peningkatan hasil dan pendapatan.

Bagi memastikan pelaksanaan pensijilan MSPO dan pembangunan mampam industri sawit negara, Kementerian Industri Utama melalui MPOB dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) giat mengadakan penerangan kepada pengusaha tanaman sawit dan pekebun kecil di seluruh negara.

Pengeluaran sawit yang mampam dan memenuhi kriteria pensijilan MSPO dapat menjamin pasaran luar negara bagi minyak sawit Malaysia yang akan menyumbang kepada peningkatan harga dan kesejahteraan ekonomi negara.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Datuk Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB



Teresa Kok bersama pemenang Anugerah Industri Sawit 2017/2018, di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Tiga pekebun kecil terima Anugerah Industri Sawit

➔ Anugerah iktiraf pencapaian cemerlang pihak industri sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad

watie@mpob.gov.my

✦ Kota Kinabalu

Tiga pekebun kecil masing-masing dari Perak, Sabah dan Sarawak menerima pengiktirafan sebagai pekebun kecil sawit terbaik, manakala satu koperasi diiktiraf Koperasi Penanam Sawit Mampam (KPSM) terbaik bagi Anugerah Industri Sawit 2017/2018.

Penyampaian anugerah yang diadakan sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2018, disempurnakan Menteri Industri Utama, Teresa Kok di sini, baru-baru ini.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Bagi kategori pekebun kecil, pemenangnya ialah Zainal Hassan Basri dari Perak, Kamarulzaman Brahim (Sarawak) dan Hamka Kasma (Sabah).

Kategori KPSM pula dianuger-

ahkan kepada Koperasi Penanam Sawit Mampam Daerah Temerloh Berhad dari Pahang.

Pekebun kecil dinilai berdasarkan pencapaian produktiviti, pelaksanaan amalan pertanian baik, pembabitan dengan MPOB, integrasi sawit, pengurusan dan jalinan hubungan, aktiviti ekonomi tambahan serta modal insan.

Bagi KPSM penilaian adalah berdasarkan kriteria yang meliputi keahlian koperasi yuran dan saham koperasi, pendapatan, kepelbagaian aktiviti yang diinagakan, pengurusan koperasi yang merangkumi aspek pematuhan Undang-Undang Kecil Koperasi serta modal insan, komitmen koperasi terhadap MPOB, pulangan kepada ahli dan jualan buah tandan segar secara berkelompok.

Pekebun kecil cemerlang

Zainal Hassan dari Kampar, Perak mengusahakan tanaman sawit seluas 1.98 hektar dengan hasil purata buah tandan segar (BTS) pada tahun 2017 sebanyak 34.78 tan sehektar setahun.

Selain tanaman sawit, beliau turut mengusahakan integrasi ternakan keli, ayam, kambing dan kerbau sebagai sumber pendapatan tambahan.

Kamarulzaman yang mengusahakan tanaman sawit seluas 4 hektar berjaya memperoleh hasil purata BTS sebanyak 25.07 tan setahun pada 2017. Beliau yang berasal dari Pusa, Sarawak turut mengusahakan integrasi lembu dan burung walit sebagai pendapatan tambahan.

Pemenang peringkat Sabah, Hamka yang berasal dari Tawau, mengusahakan tanaman sawit seluas 29.17 hektar berjaya memperoleh hasil purata BTS sebanyak 33.36 tan sehektar setahun pada 2017.

Sebagai sumber pendapatan tambahan, beliau turut menjalankan aktiviti menternak lembu serta integrasi tanaman dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sabah.

Pekebun kecil yang diiktiraf terlibat secara aktif dengan aktiviti MPOB termasuk skim bantuan pensijilan MSPO dan bekerjasama dengan pegawai Tunjuk Ajar Nasihat Sawit (TUNAS) dalam khidmat teknikal sawit kepada pekebun kecil lain.

Pengiktirafan kerajaan

Sementara itu, KPSM Daerah Temerloh Berhad yang ditubuhkan pada 2011 dan dianggotai 68 ahli melaksanakan jualan BTS secara berkelompok terus ke kilang.

KPSM Temerloh juga memiliki dua pusat timbang bagi memberi kemudahan kepada pekebun kecil untuk menjalankan urusan niaga buah tandan segar. Koperasi ini turut memberi tumpuan kepada kebajikan ahlinya.

Anugerah Industri Sawit adalah pengiktirafan kerajaan kepada pihak industri sawit yang berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai sektor seperti perladangan, pengilangan dan pemprosesan serta penapisan.

FGV-MPOB lancar inisiatif penggunaan B10 diesel

➔ Program B10 adalah melalui projek usaha sama dengan pihak berkepentingan seperti FGV



Teresa Kok mengisi tangki minyak lori milik FGV dengan B10 diesel.

Oleh Nursyairah Jalil

syairah@mpob.gov.my

Pelabuhan Klang

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan FGV Holding Berhad bekerjasama menerajui penggunaan B10 diesel bagi lori tangki, jentera ladang dan jana kuasa kecil.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Menteri Industri Utama, Teresa Kok di FGV Transport Services Sdn Bhd, Pelabuhan Klang pada 13 September lalu.

Turut hadir, Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin, Ketua Setiausaha MPI, Datuk Zurinah Pawanteh; Pengerusi MPOB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Langkah proaktif

Teresa dalam ucapannya berkata, kerajaan kini sedang berusaha meningkatkan kadar adunan biodiesel sawit kepada 10% di sektor pengangkutan.

Beliau berkata, salah satu langkah proaktif yang diambil oleh MPOB untuk menjayakan Program B10 adalah melalui projek usaha sama dengan pihak berkepentingan seperti FGV.

Katanya, Kementerian Industri Utama (MPI) sudah mengadakan sesi konsultansi B10 bersama syarikat pengeluar kenderaan, persatuan pengilang seperti FMM dan syarikat petroleum pada 1 Ogos 2018 dan mendapati, ada pihak masih tidak berkeyakinan terhadap penggunaan B10, sedangkan negara pengeluar lain seperti Indonesia sudah pun menggunakan adunan B20 sejak tahun 2016.

“Susulan sesi konsultansi ini,

satu makmal persediaan pelaksanaan B10 untuk sektor pengangkutan dan B5 untuk sektor industri diadakan pada 5 September 2018 dengan pembabitkan lebih 60 wakil agensi kerajaan, syarikat petroleum, pengeluar kenderaan, persatuan pengangkutan dan persatuan pengilang.

“Semua cadangan dan maklumat yang diterima akan diperhalusi oleh kerajaan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan kedua-dua program ini”, katanya.

Projek percubaan

MPOB menjalankan projek percubaan penggunaan B10 membatikan lori tangki di FGV Transport Services Sdn Bhd bagi sektor pengangkutan dan jentera ladang di empat kilang FGV di Krau 02, Krau 04, Besout 6 dan KKS Sungai Tengi bagi sektor industri bermula Oktober 2017 dan Mac 2018.

“Sehingga kini, tiada masalah teknikal dilaporkan dengan penggunaan B10 diesel dan tidak menjejaskan pengoperasian harian”, katanya.

Program biodiesel sawit secara



Sehingga kini, tiada masalah teknikal dilaporkan dengan penggunaan B10 diesel dan tidak menjejaskan pengoperasian harian”

Teresa Kok, Menteri Industri Utama

komersial di Malaysia dimulai dengan Program B5 iaitu adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum bermula 2011 dan seterusnya ditingkatkan kepada 7% adunan biodiesel sawit pada 2014 secara berperingkat.

Penggunaan biodiesel sawit memberi banyak manfaat antaranya termasuk menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang menyebabkan pemanasan global, dan mempelbagaikan penggunaan sumber tenaga dalam negara.

Secara amnya, penggunaan adunan 10% biodiesel sawit dalam petroleum diesel adalah setara dengan pengurangan pelepasan GHG oleh 100,000 buah kenderaan diesel setahun.

Selain Indonesia, Colombia, Brazil dan Argentina juga menggunakan B10 dan Malaysia sebagai salah satu pengeluar utama minyak sawit dunia seharusnya mengorak langkah mempertingkatkan penggunaan biodiesel sawit dalam negara.

Biodiesel sawit dihasilkan daripada minyak sawit, tanaman paling produktif berbanding tanaman minyak sayuran lain.

Setiap hektar tanaman sawit dapat menghasilkan empat tan minyak sawit setahun, iaitu sepuluh kali ganda pengeluaran minyak kacang soya yang dihasilkan di atas sehektar tanah.

Industri sawit Malaysia juga melaksanakan amalan mesra alam, di samping dikawal selia dengan pelbagai perundangan dan peraturan yang membolehkan pembangunan industri yang mampan.

Dengan ini, peningkatan penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang kepada kemampuan dan meningkatkan imej industri sawit negara.

MPI teroka potensi dan pasaran sawit di Afrika

Oleh Hisham Hussain

hishamhussain@mpob.gov.my

Kaherah: Kementerian Industri Utama (MPI) mengadakan Misi Ekonomi dan Pelaburan Minyak Sawit dan Getah ke Mesir dan Maghribi bagi meneroka potensi dan pasaran baharu kedua-dua komoditi itu di benua Afrika, baru-baru ini.

Misi lawatan diketuai Timbalan Menteri Industri Utama Shamsul Iskandar Md Akin turut disertai Ketua Setiausaha MPI Datuk Zurinah Pawanteh dan Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir, Mohd Haniff Abd Rahman, serta wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), LGM Properties Corporation (LGMPC), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC).

Misi berkenaan selaras matlamat utama MPI untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara negara yang terbahagi dalam sektor komoditi.

Sempena lawatan berkenaan,

pelbagai aktiviti rasmi dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan sawit dan getah di negara termasuk perbincangan dua hala dengan Menteri Hasil dan Perdagangan Dalam Negeri Mesir, Dr Ali Al Moselhey.

“Saya berpendapat bahawa hubungan Malaysia and Mesir adalah satu keunikan dari segi pendidikan, pelancongan dan perdagangan kerana kedua-dua negara mempunyai sejarah hubungan diplomatik yang erat.

Usaha sama Malaysia-Mesir

“Disamping itu, terdapat beberapa usaha sama antara Malaysia dan Mesir dalam hubungan perdagangan terutamanya membabitkan minyak sawit yang masih boleh dipertingkatkan lagi,” kata Ali Al Moselhey ketika perbincangan berkenaan.

Delegasi Malaysia turut mengadakan lawatan ke Kilang Minyak Masakan ARMA iaitu kilang pemrosesan minyak masak terbesar di Mesir dan menghadiri Program Ramah Mesra Bersama Pelajar-



Shamsul Iskandar menyerahkan buku terbitan MPOB bertajuk The Oil Palm Saga kepada Dr Ali Al Moselhey.

Pelajar Malaysia di Mesir anjuran bersama Education Malaysia Egypt dan MPOB. Program dihadiri lebih 150 penuntut yang menuntun di universiti terkemuka Mesir.

“Sektor komoditi sangat luas dan antara penyumbang utama kepada hasil pendapatan negara,” kata Shamsul Iskandar.

Mesir adalah hub dan pintu

masuk penting bagi minyak sawit Malaysia ke negara negara di Afrika Utara dan Timur Tengah manakala Maghribi menawarkan hub pelaburan yang membuka peluang pasaran ke benua Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah.

Kedua-dua negara mempunyai potensi dan pasaran yang semakin berkembang bagi produk sawit

Malaysia.

Pada 2017, eksport produk minyak sawit Malaysia ke Mesir menjana RM873.14 juta kepada hasil pendapatan negara, manakala Maghribi berjumlah RM58.76 juta.

Eksport getah dan produk getah Malaysia ke Mesir pada 2017 ialah RM127.8 juta dan Maghribi pada RM29.6 juta.

Mohd Bakke kunjungi MPOB Wilayah Sabah

➔ Bincang
isu dan
perkembangan
industri sawit
Sabah

Oleh Yakup Ibrahim

yakup@mpob.gov.my

► Kota Kinabalu

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh, mengadakan kunjungan ke Pejabat MPOB Wilayah Sabah, di sini, baru-baru ini.

Beliau diiringi Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, bertujuan mengadakan perjumpaan bersama anggota MPOB di Sabah dan mendapatkan maklumat mengenai perkemban-

gan industri sawit di negeri berkenaan.

Bincang isu semasa

Ketika kunjungan, beliau diberi taklimat berkaitan aktiviti yang dilaksanakan oleh MPOB Sabah meliputi pelesenan dan penguatkuasaan, Stesen Penyelidikan Lahad Datu dan Pusat Maklumat Sawit.

Selain berkongsi pengalaman, Mohd Bakke turut membincang isu semasa industri sawit terutamanya di Sabah.

Ketua MPOB Wilayah Sabah, Yakup Ibrahim menyampaikan taklimat berkaitan peranan dan aktiviti Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan di seluruh Sabah manakala Ketua Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu, Ahmad Afandi Murdi menerangkan berkaitan aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan di Sabah.

Mohd Bakke turut melawat Galeri Sawit MPOB Wilayah Sabah yang menjadi rujukan maklumat berkaitan industri sawit daripada sektor hulu hingga hiliran.



Tan Sri Mohd Bakke Salleh ketika melawat Galeri Sawit di Kota Kinabalu, Sabah.

Euro Fed Lipid 2018, MPOB giat promosi minyak sawit



DR Kushairi berinteraksi dengan peserta di pameran MPOB.

Oleh Dr Puah Chiew Wei

cwpuah@mpob.gov.my

Belfast, United Kingdom:

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai kemampuan industri sawit Malaysia dan khasiat minyak sawit di Euro Fed Lipid Congress 2018 ke-16 pada 16 hingga 19 September 2018 lalu.

Sebagai langkah menyebarkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkini di peringkat antarabangsa, MPOB menjadi penaja perak untuk persidangan ini.

Acara tahunan ini berjaya menarik penyertaan lebih 440 peserta terdiri saintis, penyelidik, wakil industri dan pelajar dari 36 negara yang terbabit dalam sektor minyak, lemak, tenusu, marin dan lain-lain industri yang berkaitan.

Dalam persidangan itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din membentangkan ucapnama bertajuk 'Shifting the Perception of Palm Oil through Science and Technology in a Changing World' selaras dengan tema persidangan iaitu Fats, Oils and Lipids: Science, Technology and Nutrition

in a Changing World.

Beliau berkata, ia menyentuh tiga cabaran utama dihadapi industri sawit iaitu impak penanaman sawit ke atas alam sekitar, pemakanan minyak sawit yang berkaitan minyak tepu dan kontaminan terhasil semasa pemrosesan serta impak sosial berkaitan buruh paksa dan kanak-kanak di Malaysia.

Selain itu, langkah menangani semua cabaran berkenaan turut dibentangkan.

Bentangkan lima kertas kerja

Pegawai penyelidik MPOB juga membentangkan lima kertas kerja meliputi topik berkaitan pemakanan minyak sawit dan fenolik sawit dalam kajian pra klinikal dan klinikal, bio bahan api berasaskan sawit dan pembangunan piawai bagi tokotrienol sawit.

Dua ahli Jawatankuasa Penasihat Program (Programme Advisory Committee - PAC) MPOB juga dijemput membentangkan kertas kerja mengenai industri sawit.

Profesor Denis Murphy membentangkan kertas kerja bertajuk Biotechnological Approaches to Promoting the Sustainable Development of the Global Oil Palm Industry, manakala Dr Carl Trae-

holt menyampaikan pembentangan bertajuk The Quest for Sustainable Palm Oil Production - How to document Sustainability?

Terdapat beberapa kertas kerja dan poster berkaitan dengan industri sawit turut dibentangkan di persidangan berkenaan.

MPOB turut menyertai pameran sempena kongres berkenaan berjaya menarik perhatian untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai minyak sawit.

Produk makanan berasaskan sawit, buku kegunaan sawit dan Palm Oil Developments terkini serta maklumat mengenai Skim Pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) diedarkan bertujuan memaklumkan perkembangan terkini penyelidikan sawit serta usaha Malaysia dalam memartabatkan industri sawit ke arah kemampuan kepada peserta.

Penyertaan MPOB kali ini penting kerana dihadiri pakar minyak dan lemak dunia.

Peluang ini digunakan sepenuhnya untuk menyebarkan maklumat tepat mengenai industri sawit yang meliputi aspek kemampuan, produktiviti, versatiliti dan daya saing industri sawit negara.

Bengkel bincang pelaksanaan B10

Empat isu diberi tumpuan; jaminan enjin, kos, logistik dan infrastruktur, industri

Oleh Nursyairah Jalil
syairah@mpob.gov.my

Bangi

Kementerian Industri Utama (MPI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan bengkel persediaan pelaksanaan program biodiesel di sektor pengangkutan dan industri pada 5 September lalu.

Bengkel itu bertujuan memperhalusi isu dan cadangan mengatasi bagi cabaran berkaitan pelaksanaan Program B10 di sektor pengangkutan dan program biodiesel di sektor industri.

Empat isu utama dibincangkan kumpulan fokus yang menyertai bengkel berkenaan meliputi isu jaminan enjin, kos, logistik dan infrastruktur dan isu industri.

Perbincangan berkenaan diakhiri dengan sesi penggulungan



Sebahagian peserta yang hadir bengkel pelaksanaan program biodiesel B10 di Bangi.

dan pembentangan hasil perbincangan yang turut dihadiri Menteri Industri Utama Teresa Kok.

Hasil perbincangan mendapati, terdapat beberapa syarikat pengedar kenderaan mengalami kesukaran untuk memberi jaminan kenderaan untuk B10 disebabkan polisi sedunia negara pengeluar.

Cadangan lain dibincangkan termasuk harga biodiesel dan masa yang diperlukan bagi persediaan pelaksanaan B10 di sektor pengangkutan.

Dalam pada itu, Teresa Kok ketika berucap di bengkel berkenaan berkata, kerajaan akan memperhalusi cadangan diutarakan

pihak berkepentingan dan penyelesaian terbaik bagi memperoleh situasi menang-menang bagi membolehkan pelaksanaan Program B10 di sektor pengangkutan dan B5 di sektor industri dapat dilaksanakan dengan lancar.

“Indonesia berjaya melaksanakan Program B20 sejak Januari 2016 dengan kerjasama dan sokongan penuh semua pihak berkepentingan terutamanya pengeluar kenderaan tanpa sebarang masalah dilaporkan sehingga kini,” katanya.

Bantu pertumbuhan ekonomi
Beliau turut menekankan, program

biodiesel dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) di sektor pengangkutan dengan penggunaan bahan bakar yang lebih bersih, boleh diperbaharui dan mesra alam.

“Ia juga membantu pertumbuhan ekonomi negara di sektor komoditi menerusi manfaat peningkatan atau kestabilan harga minyak sawit kepada pekebun kecil.

Sebelum ini, Kementerian dan MPOB mengadakan beberapa rundingan bersama pihak berkepentingan bagi persediaan pelaksanaan Program B10 di sektor pengangkutan dan program biodiesel



Program biodiesel dapat mengurangkan pelepasan GHG di sektor pengangkutan dengan penggunaan bahan bakar yang lebih bersih, boleh diperbaharui dan mesra alam”

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

di sektor industri.

Ini bertujuan memberi keyakinan dan penjelasan teknikal berkaitan B10 diesel selain membincangkan isu berkaitan berhubung kebimbangan penggunaan B10 daripada aspek kesesuaian enjin, pemberian lanjutan jaminan enjin, penyelenggaraan, kos dan lain-lain.

Makmal dihadiri 60 peserta terdiri wakil MPI, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta swasta.

MPOB-MOPNA susun strategi mantapkan sektor tapak semaian

Oleh Humaira Mat Taib
humaira@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu dan idea baharu berkaitan pembangunan industri sawit negara, di ibu pejabat MPOB di sini, pada 14 September lalu.

Antara isu dibincang berkaitan lesen tapak semaian sawit, status Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), penggunaan SureSawit Kit, proses pengambilan pekerja asing dan penglibatan MOPNA dalam industri.

MOPNA diketuai Presidennya, Tan Kim Tun dan lapan ahli jawatankuasa pengurusan tertinggi kerajaan dengan MPOB sebagai agensi pelaksana, dapat mene-

Pengarah (Perkhidmatan), Mohamad Nor Abd Rahman dan pegawai kanan yang berkaitan.

Interaksi ini menyediakan platform bagi kedua-dua pihak untuk meningkatkan hubungan dua hala, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai program atau peraturan dikeluarkan MPOB.

Mohamad Nor berkata, interaksi seumpama ini adalah pendekatan terbaik supaya segala masalah dihadapi dapat diselesaikan dengan segera untuk kebaikan bersama.

Di samping itu, pertemuan ini juga dapat menjana idea dan strategi baharu melalui perbincangan bersama, sekali gus boleh dipertingkatkan pelaksanaannya untuk kebaikan industri sawit.

Tingkatkan produktiviti pekebun kecil

Sementara itu, MOPNA berharap kerajaan dengan MPOB sebagai agensi pelaksana, dapat mene-



Mohamad Nor (duduk empat dari kiri) dan Tan duduk, tiga dari kiri) bersama ahli MOPNA pada sesi interaksi di Bangi.

ruskan skim TSSPK dan TBSPK yang banyak membantu meningkatkan produktiviti pekebun kecil.

MOPNA turut meminta penjelasan MPOB berkaitan penjualan anak benih berusia tiga hingga empat bulan (pra-nursery) kepada pengusaha tapak semaian dan juga kepada estet.

Pada masa sama, MOPNA turut menyatakan masih terdapat ramai

pengusaha tapak semaian sawit kurang jelas mengenai peraturan dan panduan terutama pensijilan Kod Amalan Tapak Semaian (CoPN) bagi mengusahakan tapak semaian seperti yang ditetapkan oleh MPOB.

Selain isu di atas, MOPNA juga bersedia untuk bekerjasama dengan MPOB dalam menjalankan penyelidikan supaya dapat menam-

bah baik sektor tapak semaian bagi menjamin kualiti dan kuantiti anak benih sawit yang dibekalkan.

Justeru, melalui kerjasama erat MPOB dengan MOPNA ini, ia mampu meningkatkan kualiti anak benih sawit terutamanya yang dibekalkan kepada pekebun kecil penerima Skim Bantuan MPOB dan seterusnya kesejahteraan industri sawit negara.

Pengkomposan pantas pantas tandan sawit kosong (EFB) guna mikrob

➔ Proses tangani masalah timbunan tandan sawit kosong

Oleh Dr Nahrul Hayawin Zainul Awin
nahrul.hayawin@mpob.gov.my

Proses pengkomposan pantas biojisim sawit, terutamanya tandan sawit kosong (EFB) yang terhasil daripada pemrosesan minyak di kilang sawit, penting dalam menangani masalah timbunan tandan sawit kosong.

Mengikut statistik dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada tahun 2017, terdapat 454 kilang sawit beroperasi dengan jumlah kapasiti tandan sawit segar (FFB) yang diproses ialah 112.19 juta tan setahun.

Berikutan pemrosesan itu, dianggarkan 80 juta tan biojisim sawit terhasil dan dijangka akan meningkat sehingga 100 juta tan pada tahun 2020.

Daripada keseluruhan jumlah ini, dianggarkan 7.35 juta tan (berat kering) EFB dihasilkan.

EFB sering digunakan dan diaplikasikan ke tanah di dalam ladang sawit bertindak sebagai penyubur tanah, mengawal rumpai, penghawa

tanah, mengawal hakisan tanah dan pemuliharaan kelembapan tanah.

Kini, kajian mengenai EFB semakin meningkat dan mendapat perhatian untuk dijadikan sebagai produk yang mempunyai nilai tambah iaitu baja kompos melalui proses kompos.

Proses pengkomposan boleh ditakrifkan sebagai penguasaan biologi terkawal bahan organik yang dijalankan oleh mikroorganisma hasil dari gabungan mesopilik dan termopilik aktiviti.

Terdapat pelbagai kajian mengenai proses kompos sudah dilakukan dan didapati, baja kompos mengembalikan kesuburan tanah yang lesu dan meningkatkan produktiviti buah, akar, daun dan bunga tanpa pencampuran dengan baja kimia. Pengkomposan campuran bahan daripada EFB kelapa dan sisa kumbahan kilang sawit (POME) berkesan dan efektif kerana akan mempercepatkan proses kompos serta meningkatkan kualiti baja organik yang terhasil.

Sisa kumbahan kilang sawit mengandungi nutrien penting untuk pertumbuhan pokok dan buah iaitu nitrogen, fosforus serta kalium.

Pembabitan pelbagai mikroorganisma adalah penting untuk menentukan keberkesanan pengkomposan dalam menghasilkan baja kompos berkualiti tinggi.

Terdapat pelbagai parameter yang perlu diambil kira untuk menyumbang kepada kejayaan proses pengkomposan pesat ini, dan salah satu cabarannya adalah

mengoptimalkan keupayaan mikroorganisma dan juga teknologi yang diguna pakai.

Oleh itu, kajian di MPOB dijalankan dengan mengkultur mikroorganisma yang berpotensi untuk mendegradasikan EFB tanpa mengambil masa lama.


Hasil analisis dijalankan, terdapat penemuan efektif iaitu kombinasi pelbagai enzim mikroorganisma dan teknologi kompos yang digunakan bagi mempercepatkan proses pengkomposan EFB kepada 21 hari sahaja.

Guna mesin kompos

Proses pengkomposan dilakukan dengan menggunakan mesin kompos yang dibina oleh syarikat Pollution Engineering Sdn Bhd, Sri Kembangan, Selangor EFB dicampur dengan sisa pepejal kumbahan kilang sawit (POME) pada nisbah 1:1.

Mikrob yang dikultur juga dicampurkan ke dalam biojisim sawit dan dimasukkan ke dalam mesin kompos.

Didapati selepas dua hari, suhu di dalam campuran biojisim sawit semakin meningkat sehingga mencapai ke takat 60°C. Walaupun bagaimanapun, mesin kompos ini dilengkapi dengan sistem putaran dan juga sistem udara. Selepas beberapa minggu, didapati nisbah karbon terhadap nitrogen semakin rendah manakala kandungan nitrogen, fosforus dan kalium semakin meningkat. Warna kompos juga bertukar menjadi kehitaman dan



Pengkulturan mikroorganisma menunjukkan (a) zon kuning menunjukkan pelepasan asid lemak bebas (FFA) disebabkan aktiviti lipase positif untuk kultur CP3 (b) keputusan ujian selulase untuk strain CPO2. Zon jelas menunjukkan bahawa pecahan CMC (selulosa positif).



Perbezaan warna dan bentuk tandan sawit selepas mengalami proses pengkomposan yang hanya mengambil masa selama 21 hari.

Kompos yang telah dipaletkan sebelum diaplikasikan sebagai baja organik di ladang sawit.

REGISTER NOW!



Scan this code for more information

LAMP

Labour And Mechanisation in Plantation
S E M I N A R
2018

Theme:

Enhancing Mechanisation and Labour Productivity in Oil Palm Plantation

16 - 17 October 2018
Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh
Melaka

Who Should Attend:

- Planters
- Researchers
- Scientists
- Academicians
- Consultants
- Economists
- Suppliers

Registration:

Nurul Aishah Musa
(nurul.aishah.musa@mpob.gov.my)
Tel : 03-8769 4568
Fax : 03-8925 7549/8926 1202



Malaysian Palm Oil Board
Ministry of Primary Industries, Malaysia
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpob.gov.my

Agen antikarat berasas minyak sawit

Oleh Noor Khairin Mohd, PhD dan Lazania Ahmad, PhD
norkhairin@mpob.gov.my, lazania@mpob.gov.my

Apabila logam terdedah dengan air dan oksigen di udara, lama-kelamaan logam akan menjadi karat. Logam yang berkarat bersifat lemah, rapuh dan seterusnya boleh menyebabkan struktur binaan logam gagal berfungsi. Karat yang kronik memerlukan penyelenggaraan berkos tinggi.

Penggunaan bahan anti-karat adalah antara teknik pengawalan pengawatan yang digunakan secara meluas. Misalnya, proses penggerudian minyak petroleum, pembersihan permukaan logam untuk industri pembuatan logam dan pembersihan dandang stim (boiler).

Bahan anti-karat juga dicampur dalam formulasi produk bahan penyejuk, cat, cecair hidraulik dan minyak enjin. Industri kini menggunakan nitrat, kromat dan fosfat sebagai bahan utama anti-karat.

Namun, berikutan kesan buruk bahan ini terhadap alam sekitar dan kesihatan, sesetengah negara melarang penggunaannya.

Saintis sudah mengkaji unsur organik dari ekstrak tumbuh-tumbuhan atau sintesis kimia daripada sumber bahan organik yang ber-

potensi untuk dijadikan agen anti-karat.

Minyak sawit adalah sumber yang mudah diperolehi dan banyak terdapat di Malaysia.

Lebih menarik lagi, molekul minyak sawit boleh dibentuk menjadi molekul baru yang berkesan sebagai agen anti-karat.

Anti-karat Palm 16B MetPro Penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD), Dr Noor Khairin Mohd bersama penyelidik lain membangunkan bahan baharu dipanggil Palm 16B MetPro daripada minyak sawit sebagai bahan anti-karat.

Palm 16B MetPro dihasilkan melalui proses tindak balas tanpa pemangkin. Bahan ini boleh dihasilkan dengan efisien dalam masa singkat.

Palm 16B MetPro berbentuk serbuk putih, bertakat lebur setinggi 87.7 °C dengan ketulenan dan hasil melebihi 95%.

Palm 16B MetPro berprestasi tinggi

Setanding dengan bahan anti-karat komersial, Palm 16B MetPro sudah diuji di makmal menggunakan pelbagai kaedah seperti analisis elektrokimia, analisis kehilangan berat serta analisis permukaan.

Untuk semua ujian, larutan asid digunakan sebagai medium yang



Karat yang terjadi kepada keluli bahan binaan bangunan.



Palm 16B MetPro yang dihasilkan dalam bentuk serbuk.

boleh mengaratkan permukaan logam keluli lembut.

Palm 16B MetPro dicampurkan ke dalam larutan asid tersebut sebagai bahan anti-karat dan kemudian sifat anti-pengaratannya diukur menggunakan analisis yang dinyatakan di atas.

Analisis elektrokimia ke atas keluli lembut yang direndam di dalam larutan asid tanpa bahan anti-karat serta larutan asid yang sudah ditambah dengan Palm 16B MetPro dengan kepekatan sebanyak 200 bpi mampu menurunkan kadar pengamatan keluli berkenaan sebanyak 15% iaitu daripada 3.36 mm/tahun kepada 0.52 mm/tahun.

Analisis permukaan menggunakan mikroskop dilakukan ke atas keluli lembut yang sudah direndam dalam larutan berasid 30 hari.

Penambahan Palm 16B MetPro sebanyak 200 bpi di dalam larutan

asid ini mampu menghalang pembentukan karat pada permukaan keluli lembut berkenaan.

Interaksi antara Palm 16B MetPro bertindak membentuk lapisan nipis yang dapat menghalang proses pengawatan terjadi.

Melalui analisis dilakukan, Palm 16B MetPro dilihat sesuai digunakan untuk mengawal pengawatan logam di dalam medium berasid.

Pengenalan teknologi

Teknologi bahan anti-karat ini tersenarai sebagai teknologi terkini MPOB dan diperkenalkan pada Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi (TOT) 2018 dengan nombor (TOT: 639).

Butiran kajian ini boleh dirujuk kepada jurnal di DOI: 10.21894/jopr.2017.2901.11 atau sila hubungi Dr. Norkhairin Mohd melalui e-mel norkhairin@mpob.gov.my.

Malaysian Palm Oil Board (MPOB)



POMREQ 2018

NATIONAL SEMINAR ON PALM OIL MILLING, REFINING, ENVIRONMENT AND QUALITY

Officiated by
YB TERESA KOK
Minister of Primary Industries

27-28 November 2018
The Royale Chulan Hotel,
Kuala Lumpur



Theme:
Advances in Sustainable Practices

Enquiries on registration and exhibition, please contact :

Nurul Aishah Musa
Tel : 03-8769 4567/03-8769 4568
Fax : 03-8925 7549/03-8922 1743
E-mail : nurul.aishah.musa@mpob.gov.my

Nu'man Abd Hadi
Tel : 03-8769 4350
Fax : 03-8926 2971
E-mail : nuqman@mpob.gov.my



Malaysian Palm Oil Board

mpob_tweets

Malaysian Palm Oil Board

mpob.gov.my

MPOB kongsi maklumat dan teknologi sawit

➔ Pelajar sekolah, universiti pelajari ilmu berkaitan sawit

Oleh Dr Laziana Ahmad

laziana@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan empat institusi pendidikan dari dalam dan luar negara bagi mendalami aktiviti penyelidikan sawit di Malaysia.

Antara institusi itu termasuk Sekolah Berasrama Penuh (Integrasi) Sabak Bernam (SBPI Sabak Bernam), Persatuan Oleokimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Annamalai University,

India dan Megatech International College, Malaysia.

Topik utama yang dibincangkan semasa lawatan SBPI Sabak Bernam dan UKM adalah mengenai penyelidikan oleokimia berasaskan minyak sawit terutamanya metodologi pembuatan lilin beraroma dari minyak sawit yang digunakan untuk mengoreng dan penghasilan biodiesel berasaskan sawit.

Pelajar dari Annamalai University, India dan Megatech International College, Malaysia mengutarakan isu mengenai peranan MPOB dalam pengurusan ekonomi industri sawit Malaysia dan usaha MPOB dalam membantu pekebun kecil.

Program berterusan

MPOB sentiasa mengalu-alukan kedatangan para pelajar khususnya untuk mendalami ilmu tentang pelbagai teknologi yang dibangunkan MPOB.

Pendedahan kepada awam penting untuk menangkis persepsi buruk dan pelbagai propagan-



Pelajar SBPI Sabak Bernam mendengar taklimat semasa lawatan ke Galeri MPOB.

da yang bertujuan menjatuhkan industri sawit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sementara itu, MPOB juga menerima kunjungan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM) yang diketuai Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Shaufique Sidique.

Delegasi lawatan turut disertai Felo Penyelidik Kanan IKDPM-CIRAD, Dr Marcel Djama dan Pengawai Penyelidik, Ahmad Hanis

Izani Abd Hadi dan Dr Tey Yeong Sheng.

Delegasi disambut mesra oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din dan pengawai kanan MPOB.

Kunjungan yang julung kali diadakan itu bertujuan meneroka peluang kolaborasi antara tiga institusi iaitu MPOB bersama IKDPM dan CIRAD yang berpangkalan di Perancis terutama dalam bidang penyelidikan sosial dan ekonomi.

Ini termasuk hal ehwal penerbitan jurnal, perkongsian data dan potensi penajaan pembelajaran kakitangan MPOB ke peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran (PhD).

Lawatan selama dua jam itu turut berkongsi mengenai sejarah, teknologi dan perkembangan terkini sektor hiliran dan hulu industri sawit negara melalui sesi taklimat yang berlangsung di Galeri Sawit, Pusat Maklumat Sawit.

Program pemakanan sawit tarik minat sekolah

Oleh Nur Affifah Baharim

affifah@mpob.gov.my

Bangi: Usaha Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam mengurangkan masalah obesiti dan meningkatkan kesedaran kesihatan berjaya menarik minat sekolah di sekitar Selangor untuk menyertai Program Kajian Pemakanan Sawit.

Setakat ini, sekurang-kurangnya 10 sekolah menawarkan diri untuk menyertai program berkenaan yang mula dilaksanakan sejak tahun lalu.

Terkini, program itu yang diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Batu Sembilan, Cheras, mendapat sambutan menggalakkan apabila lebih 600 pelajar, guru dan ibu bapa menyertainya.

Guru Penolong Kanan Kokurikulum SJKC Batu Sembilan, Seom Kim Thaie, berkata pihaknya tertarik untuk terbabit dalam program itu selepas menerima maklum balas positif daripada beberapa guru dari sekolah lain yang sudah menyertainya sebelum ini.

Malah, katanya, rata-rata sekolah yang menyertai program berkenaan juga berharap ia diadakan

secara berkala bagi memastikan pemahaman pelajar, ibu bapa dan guru dalam aspek pemakanan sihat dapat dipertingkatkan secara berterusan.

“Kami menerima reaksi positif daripada sekolah lain yang menyertai program ini dan menyebabkan pihak sekolah terpenggil untuk menyertainya. Sekolah berbesar hati menerima kunjungan MPOB kerana yakin program ini dapat membantu mengurangkan masalah obesiti dalam kalangan pelajar, sekali gus meningkatkan kesedaran pelajar, ibu bapa dan guru mengenai keseriusan masalah ini.

Program berterusan

“Kami juga berharap program ini dapat diteruskan dengan pengisian bermanfaat dan interaktif seperti ceramah serta kuiz sawit, pertandingan mewarna dan juga soal selidik kajian pemakanan,” katanya ketika ditemui selepas Program Kajian Pemakanan Sawit di sini, baru-baru ini.

Pengisian program kali ini membabitkan ceramah mengenai Pengenalan Industri Sawit kepada peserta.

Ketika sesi ceramah, pelajar, guru dan ibu bapa didedah dan



diperkenalkan dengan sumbangan industri sawit, keistimewaan minyak dan produk sawit serta kaedah pemakanan sihat.

Selain itu MPOB turut memperkenalkan minyak sawit merah yang kaya dengan vitamin A, yang mampu membantu melindungi

individu daripada serangan serta mempercepatkan pemulihan strok serta melambatkan proses penuaan.

MPOB mengalu-alukan lebih banyak penyertaan daripada sekolah di Selangor bagi mengadakan Program Kajian Pemakanan pada masa akan datang.

Pelajar SJKC Batu Sembilan, Cheras bertanyakan soalan pada sesi interaktif Program Kajian Pemakanan Sawit MPOB.

Melakar masa depan Generasi Y dalam industri sawit

➔ Kerajaan perlu sedia program sesuai di peringkat sekolah, universiti untuk menjayakan keusahawanan petani

Oleh Zaki Aman, Abdul Rahman Abdul Rahim dan Humaira Mat Taib

zaki@mpob.gov.my
humaira@mpob.gov.my

Penduduk dunia akan mencapai 16 billion pada tahun 2050 dan banyak negara maju ketika ini dikategorikan sebagai penduduk tua apabila majoriti penduduk melepasi umur 60 tahun ke atas.

Terdapat lima generasi yang diklasifikasikan sebagai: Tradisional (lahir sebelum 1946), Baby Boomers (lahir antara 1946 dan 1964), Generasi X (lahir antara 1965 dan 1979), Generasi Y (lahir antara 1980 dan 2000), dan Generasi Z (lahir selepas 2000).

Setiap generasi mempunyai keunikan tersendiri yang dipengaruhi oleh kisah silam dan faktor ini amat mempengaruhi mereka dalam dunia pekerjaan.

Oleh itu adalah penting supaya kita memahami, menghormati dan mengutarakan manifestasi berbeza khususnya di tempat kerja untuk menarik generasi Y dalam industri sawit di Malaysia.

Jumlah penduduk Malaysia kini melebihi 30 juta dan generasi Y mewakili 10,395,00 atau 35 peratus daripada jumlah populasi negara.

Di Malaysia, generasi Y adalah pengganti untuk kesinambungan pembangunan dan sumber penting menyediakan tenaga kerja terutamanya dalam industri sawit yang tidak boleh diabaikan.

Pada masa ini, purata umur pekebun kecil sawit di Malaysia adalah 55 tahun dan sudah bersedia untuk diganti.

Pelbagai definisi digunakan untuk menggambarkan individu yang dilahirkan selepas 1980 seperti generasi Millennium, Echo Boomers dan generasi Internet. Beberapa ciri generasi Y dikenali pasti seperti mempunyai keyakinan diri, sensitif kepada hak, per-

caya bahawa semuanya boleh dilakukan, berpelajaran dan pengguna teknologi.

Tambahan lagi, generasi Y juga adalah individu yang mengujakan idea baharu, kreatif dan inovatif. Mereka juga memilih pekerjaan yang terjamin, gemar bekerja di firma berprestij, mengambil peduli berkaitan kehidupan pekerjaan dan bersedia untuk merebut peluang pekerjaan.

Justeru, keperluan generasi ini perlu difahami dan kepentingan keperluan mereka perlu digerakkan ke arah sektor sawit kerana mereka adalah aset serta bakal pemimpin masa hadapan yang akan mengetuai pengurusan potensi industri sawit negara.

Lebih menarik lagi, kerajaan Malaysia juga memutuskan bahawa industri sawit penting untuk pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Melalui Pelan Pembangunan Pelajaran (2015-2025), kerajaan berhasrat meminda mentaliti graduan daripada pencari kerja kepada pencipta pekerjaan.

Seterusnya, kerajaan menggalakkan penyertaan generasi Y dalam sektor pertanian ini melalui pembelajaran rasmi.

Beberapa buah universiti, politeknik dan Institut Pertanian adalah institusi yang terbabit untuk merealisasikan objektif berkenaan dengan menyediakan program pertanian yang lestari.

Walau bagaimanapun, terdapat aduan daripada majikan menyatakan tenaga kerja tempatan masih tidak berminat untuk bekerja dalam sektor ini dan kajian juga mendapati hanya enam peratus pelajar jurusan pertanian berminat membina kerjaya dalam pertanian sama ada bekerja sendiri atau sebagai usahawan.

Generasi Y masih lagi menganggap sektor ini sebagai 4D iaitu bahaya, kotor, sukar dan hina (dangerous, dirty, difficult and demeaning).

Tambahan pula faktor pemilikan keluasan tanah yang kecil (purata nasional 4 ha) telah menghalang pemilik tanah untuk mengusahakan tanah mereka dengan efisien dan menggunakan teknologi tinggi.

Faktor status juga dilihat mempengaruhi generasi muda untuk menjauhkan diri daripada bekerja dalam sektor pertanian (sawit) ini.

Secara umumnya, masyarakat di Malaysia melihat sebilangan besar pekebun kecil sawit adalah golongan yang berstatus rendah,



Generasi Y perlu mengubah paradigma daripada makan gaji kepada bekerja sendiri atau sebagai usahawan.

berada di paras kemiskinan (B40) dan mempunyai pendapatan yang tidak stabil. Oleh itu, jika kita ingin menarik perhatian generasi Y menyertai industri ini, maka kita perlu menyediakan ruang untuk perubahan, kelestarian serta meningkatkan kedudukan ekonomi sektor ini.

Penjenamaan semula

Tradisinya, pekebun kecil sawit adalah penyumbang utama kepada keusahawanan. Namun perkara ini tidak disedari kerana pekebun kecil tidak memahami konsep keusahawanan. Pekebun kecil juga didapati tidak peka kepada keperluan sains pertanian dan sistem pengurusan pertanian yang efektif.

Oleh itu, penjenamaan semula status pekebun kecil sawit ini penting agar generasi Y lebih berminat menyertai sektor ini pada masa akan datang.

Pekebun kecil perlu dikenali sebagai seorang usahawan petani yang boleh memberi definisi yang luas serta berstatus tinggi. Pekebun kecil perlu memiliki kebun dan mempunyai kemahiran dalam perniagaan berkaitan sawit. Kajian membuktikan, keusahawanan pertanian dapat mencipta peluang pekerjaan, menjana ekonomi dan meningkatkan lagi inovasi.

Pembangunan keusahawanan dalam sektor ini akan membantu menyelesaikan banyak masalah seperti mengurangkan kadar kemiskinan, mengurangkan penghijrahan golongan muda ke bandar dan juga isu pengangguran dalam kalangan graduan.

Generasi Y mempunyai ciri-ciri yang cenderung kepada keusahawanan dan mempunyai sikap ingin berjaya dan sedia menghadapi risiko.

Oleh itu, dengan ciri ini ia dilihat dapat menarik golongan ini memilih industri sawit sebagai platform pekerjaan.

Ketika ini, sektor sawit sedang melalui proses perubahan daripada amalan pertanian tradisional kepada teknik pertanian moden dan pastinya pekebun kecil perlu bergabung operasi untuk agar dapat bersaing dengan kompetitif.

Keusahawanan dalam industri sawit boleh didefinisikan sebagai individu yang membabitkan diri dalam pelbagai aktiviti perniagaan dalam sektor ini untuk menjadi seorang usahawan.

Sektor ini menyumbang RM77.85 billion kepada keluaran dalam negara kasar pada tahun

2017 dan menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 3.2 juta orang secara langsung atau tidak.

Oleh itu terdapat banyak peluang perniagaan dari segi pengeluaran minyak sawit, pemasaran, pemrosesan, rantai bekalan, pengangkutan, konsultansi dan peruncitan.

Tambahan pula, sektor ini adalah tonggak utama ekonomi Malaysia kerana ianya membekalkan bahan mentah utama kepada industri lain dan sektor ini juga memerlukan banyak produk industri lain untuk menyokong operasi mereka seperti baja, jentera dan pelbagai produk pengguna.

Oleh itu, kerajaan perlu menyediakan program yang sesuai di peringkat sekolah, universiti untuk menjayakan keusahawanan petani sekali gus menarik minat generasi Y menceburkan diri dalam sektor ini.

Kerajaan baru-baru ini mengu-

mumkan akan meletakkan bidang Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di landasan yang tepat bagi memperkasa golongan belia dengan kemahiran yang berkaitan.

Dalam konteks ini, Kementerian Industri Utama (MPI) melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bersedia melaksanakan peranannya bagi merealisasikan objektif dengan menyediakan program latihan dan kemahiran di sektor perladangan.

IMPAC dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body - ILB) dalam sektor perladangan dan komoditi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia akan menjadi pusat sehati bagi menyelaras, mengawal selia dan merancang aktiviti yang akan dijalankan mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

Mark your 2019 calendar and join us in PIPOC!

Scan this code for more information

INTERNATIONAL PALM OIL BOARD
PIPOC 2019
GROWTH AND PROGRESS

BALANCING
SUSTAINABILITY PILLARS

19-21
NOVEMBER
2019

Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Organised by:
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpob.gov.my

MPOC terus perjuangkan kemampuan minyak sawit

➔ Penganjuran persidangan antarabangsa IPOSC bukti tangani isu berkaitan



MAJLIS Minyak Sawit Malaysia (MPOC), baru-baru ini menganjurkan Persidangan Antarabangsa Minyak Sawit Mampan (International Palm Oil Sustainability Conference - IPOSC) yang ke-5, di Kota Kinabalu, Sabah.

Ini adalah bukti bahawa MPOC amat serius dalam menangani isu berkaitan kemampuan minyak sawit Malaysia. Acara itu berlangsung selama dua hari, pada 19 dan 20 September dan dirasmikan oleh Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

Seramai hampir 300 peserta dari Malaysia dan antarabangsa dari Kesatuan Eropah (EU), Afrika, Indonesia dan Singapura menyertai persidangan itu.

Pembentangan meliputi topik yang berkaitan dengan komoditi pertanian dan pembangunan mampan, Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), pensijilan, pemuliharaan, minyak sawit mampan

dan Indirect Land Use Change (ILUC), dibentangkan oleh penceramah tempatan serta antarabangsa dari Eropah, Indonesia dan Malaysia.

Tingkat taraf hidup

Teresa dalam ucapan perasmian berkata, kemampuan minyak sawit adalah agenda penting bagi kerajaan Malaysia kerana kita sentiasa mempromosikan Pensijilan Minyak Sawit Mampan (CSPO) dan berpegang teguh kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) PBB pada 2020, yang mengimbangkan kemajuan sosial dan ekonomi dengan pemeliharaan alam sekitar.

"Minyak sawit terus menjadi sumber utama minyak dan lemak, serta berperanan penting sebagai komoditi makanan yang mampu dimiliki di samping menangani isu keselamatan makanan di banyak negara. Industri minyak sawit pen-



Teresa Kok berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Minyak Sawit Mampan (International Palm Oil Sustainability Conference)



Industri minyak sawit sangat penting kepada rakyat dan ekonomi Malaysia. Minyak sawit terus menjadi sumber utama minyak dan lemak serta berperanan penting sebagai komoditi makanan yang mampu dimiliki, di samping menangani isu keselamatan makanan di banyak negara"

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

ting kepada rakyat dan ekonomi Malaysia. Pada 2017, minyak sawit menyumbang 30 peratus kepada jumlah pengeluaran minyak dan lemak dunia. Perolehan eksport daripada industri minyak sawit Malaysia mencecah RM 77.8 bilion iaitu 4.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Ini menjadikan industri ini salah satu daripada tiga industri utama yang menjana hasil untuk negara," katanya.

Katanya, 40 peratus daripada keseluruhan kawasan ditanam di Malaysia dimiliki pekebun kecil dan 16 peratus daripada mereka pekebun bebas.

"Kementerian Industri Utama (MPI) ditugaskan untuk memastikan pekebun kecil yang bergantung kepada sektor sawit sebagai sumber pendapatan adalah tidak terjejas. Kita memerlukan kedua-dua syarikat perladangan dan pekebun kecil untuk meneruskan operasi dan memberikan hasil untuk negara, di samping meningkatkan taraf hidup untuk semua," katanya.



Teresa Kok menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara MPOC dan POIC, yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Datuk Dr Kalyana Sundram dan Ketua Pegawai Eksekutif POIC, Datuk Pang Teck Wai. Turut kelihatan, Dato' Lee Yeow Chor (kiri) dan Dato' Othman Walat (kanan).

Mengulas kempen anti-minyak sawit, Teresa berkata industri ini berdepan pelbagai tuduhan yang menyatakan, minyak sawit tidak mampan atau merbahaya kepada kesihatan.

Beliau merujuk kepada pengharaman Parlimen EU terhadap bahan bakar bio berasaskan minyak sawit mulai tahun 2021 sebagai sebahagian daripada pelancaran semula EU Renewable Energy Directive (EU RED II).

Ketuai misi

Susulan itu, Teresa Kok bakal mengetuai misi ke Eropah untuk bertemu dengan Ahli Parlimen EU dan pengeluar makanan yang berkenaan.

Malaysia akan terus memperjuangkan keistimewaan dan kemampuan minyak sawit. Negara juga membangunkan skim pensijilan kemampuan kebangsaan untuk minyak sawit, iaitu MSPO yang akan berkuat kuasa mulai 31 Disember 2019.

Sehingga kini, 1.14 juta hektar atau 19.5% kawasan tanaman

sawit diperakui di bawah skim MSPO. Antara kawasan disijilkan ini, 12,401 hektar adalah milik pekebun kecil bebas iaitu 61 Kelompok Minyak Sawit Mampan (Sustainable Palm Oil Clusters - SPOC) dan 1.13 juta hektar diusahakan syarikat perladangan sawit dan pekebun kecil berkelompok.

Satu perjanjian persefahaman (MoU) antara MPOC dan POIC Sabah juga berlangsung selepas majlis perasmian persidangan itu.

MoU yang ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif MPOC dan POIC memeterai kerjasama antara kedua-dua organisasi untuk mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam mengenai industri sawit Malaysia, termasuk aktiviti hilirannya, terutamanya di Sabah.

Ini akan dijalankan melalui penganjuran program promosi produk berasaskan sawit dan program pendidikan dengan institusi pengajian tinggi, sekolah dan politeknik tempatan, bermula 2019 hingga tahun 2020.



Teresa Kok mendengar penerangan Timbalan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Dr Sen Nathan. Turut kelihatan, Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor (kiri).

Minyak sawit mampan tingkat penerimaan di pasaran antarabangsa

Pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara berperingkat memberikan sinar baharu bagi penerimaan minyak sawit yang positif di peringkat antarabangsa.

Ini dapat dilihat sebagai satu langkah proaktif kerajaan memperkasakan industri minyak sawit Malaysia ke arah penjenamaan minyak sawit tempatan sebagai produk mesra alam, mampan, berkualiti dan selamat.

Aura penerimaan minyak sawit mampan jelas dapat dilihat melalui peningkatan hasil eksport komoditi sawit yang ketara iaitu 55.5% yang menyumbang sebanyak RM77.8 bilion daripada keseluruhan pendapatan eksport negara.

Penghasilan minyak sawit mampan juga adalah inisiatif berbentuk kempen menangani tanggapan negatif dan boikot minyak sawit Malaysia.

Dengan adanya skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dapat memberi keyakinan kepada masyarakat antarabangsa.

Seterusnya, minyak sawit mampan dapat dipertingkatkan di pasaran antarabangsa ekoran keyakinan yang tinggi di kalangan pengguna terutamanya dari negara luar.

Buktinya, negara China memberi jaminan mengimport lebih banyak produk sawit dari Malaysia manakala United Kingdom pula menentang larangan minyak sawit dalam usaha mewujudkan peluang ekonomi baharu antara kedua-dua negara dalam industri sawit.

Penghasilan minyak sawit mampan adalah satu usaha penjenamaan industri sawit



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Che Wan Muhammad Haziq Che Wan Sabri
SMA (ATAS) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu

Malaysia yang kian diyakini kualiti serta manfaatnya yang tinggi.

Kebaikan minyak sawit mampan akan memberikan kesan positif terhadap industri sawit negara. Ini seterusnya akan meningkatkan penerimaan pasaran di arena antarabangsa.

Kesimpulannya, minyak sawit mampan akan mampu menjana pasaran global dengan pelaksanaan MSPO secara mandatori menjelang tahun 2020.

Ini pasti akan merencanakan penerimaan pasaran antarabangsa dan mengubah persepsi negatif yang membelenggu pemikiran mereka. Minyak sawit mampan adalah anugerah lestari alam yang efektif digunakan sepanjang masa merangkumi sektor makanan, bahan api, kosmetik dan sebagainya.

Pemain industri sawit berperanan penting pastikan pengeluaran minyak sawit mampan

Industri yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan dan seterusnya memberi hasil yang membebankan adalah industri minyak sawit. Malaysia adalah antara negara pengeluar utama yang mengeksport sawit iaitu sekitar 29 peratus daripada keluaran sawit dunia dan menyumbang 33 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit dunia.

Penduduk dunia dijangka meningkat kepada sembilan bilion pada tahun 2050 dan dianggarkan hampir 80 peratus populasi dunia pada masa ini menggunakan hasil sawit dalam kehidupan seharian mereka.

Industri sawit ini dilihat semakin berkembang dan memerlukan usaha yang berterusan dari pihak kerajaan serta swasta bagi memastikan pengeluaran minyak sawit kekal mampan.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab sebagai pemacu industri sawit di Malaysia bagi melaksanakan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti serta meningkatkan keseluruhan nilai rantaian industri sawit.

Antara agensi yang turut terbabit dalam industri sawit adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Bagi sektor swasta pula, tanaman diusahakan oleh pihak estet dan pekebun kecil.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, bahawa industri sawit adalah tunggak kepada ekonomi Malaysia dan berperanan penting membekal sumber makanan serta tenaga kepada populasi penduduk dunia yang semakin meningkat.

Tindakan proaktif yang perlu diambil bagi memastikan pengelu-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Muhamad Hafiz Mohd Nasaruddin,
Taiping, Perak



Bagi memastikan pengeluaran minyak sawit kekal mampan, pengusaha perlu memastikan tanaman sawit diurus dengan baik dan melaksanakan amalan pertanian baik (GAP) dan memperoleh sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)"

aran minyak sawit kekal mampan adalah dari sudut inovasi dan teknologi. MPOB terus giat menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi memastikan industri sawit terus berkembang maju serta pesat.

Pendedahan awal kepada golongan belia perlu dilaksanakan secara berterusan bagi menarik minat mereka menceburi industri sawit. Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), agensi latihan di bawah Kementerian Industri Utama truut menganjurkan pelbagai program bagi member pendedahan kepada golongan belia mengenai sektor komoditi dan seterusnya membuka peluang masa depan lebih baik dengan menjadikan sektor komoditi ini sebagai kerjaya.

Golongan belia adalah pelapis masa hadapan negara dan langkah menggalakkan penyertaan mereka ke dalam sektor komoditi ini harus giat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Selain itu, bagi memastikan pengeluaran minyak sawit kekal mampan, pengusaha perlu memastikan tanaman sawit diurus dengan baik dan melaksanakan amalan pertanian baik (GAP) dan memperoleh sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Melalui pensijilan MSPO, industri minyak sawit Malaysia akan bertambah maju kerana kualiti yang terjamin di samping minyak sawit keluaran Malaysia diterima pakai di pasaran antarabangsa.

Kesimpulannya, industri sawit akan terus kukuh dan berdaya saing dengan adanya pengurusan yang cekap serta pelaksanaan amalan industri sawit mampan. Program penyelidikan juga perlu dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan hasil minyak sawit dengan berlipat kali ganda, seiring dengan permintaan yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN OKTOBER 2018

PERADUAN ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: 'Persepsi negatif menjejaskan pasaran minyak sawit peringkat antarabangsa. Bincangkan'

Kategori 2: Awam
Tajuk: 'Kempen anti minyak sawit, cabaran pasaran global gugat pasaran antarabangsa. Bincangkan'

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan NOVEMBER 2018 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan September 2018

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadih Pertama
Che Wan Muhammad Haziq Che Wan Sabri
SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin
Kuala Terengganu

Hadih Kedua
Tiada Pemenang

Hadih Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadih Pertama
Muhamad Hafiz Mohd Nasaruddin
Taiping, Perak

Hadih Kedua
Jaymani a/p Sevanathan
Klang, Selangor

Hadih Ketiga
Mohamad Fazrin Masri
Kluang, Johor

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ◎ Bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup ialah pada 22 Oktober 2018.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
- ◎ Email: watie@mpob.gov.my



Menteri Industri Utama, Teresa Kok menunjukkan pelbagai jenis baka sawit ketika melawat pameran sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2018 di Kota Kinabalu, Sabah. Turut kelihatan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh (kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kiri).



Teresa Kok mengadakan perbincangan bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Junz Wong di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.



Teresa Kok menyampaikan ucapan ketika mengugut perbincangan sempena Bengkel Pelaksanaan Program B10 untuk Sektor Pengangkutan dan B5 untuk Sektor Industri di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor.



Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin ketika majlis interaksi berkaitan komoditi sawit dan getah bersama pelajar Malaysia di Mesir sempena lawatan beliau ke negara itu, baru-baru ini. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Zurinah Pawanteh dan Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir, Mohd Haniff Abd Rahman.



Teresa Kok dan Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin ketika majlis pelancaran inisiatif pengguna B10 diesel di Pelabuhan Klang, baru-baru ini. Turut hadir Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.